

KUNCI JAWAPAN

LATIHAN 1

1.	Perkara yang membuat Amran menghentikan langkahnya di ruang koridor ialah suara gelak ketawa riuh rendah yang mengisi ruang koridor itu. (3 markah)
2.	Amran tiba-tiba ingin patah balik dan membatalkan niatnya kerana dia merasakan bahawa masanya tidak tepat disebabkan sebuah sambutan sedang berlangsung. (3 markah)
3.	Sebabnya ialah Amran sudah menunggu begitu lama untuk bertemu dengan mereka. (3 markah)
4.	Apabila Amran melihat anak-anaknya, Amran menangis dan mengalirkan air mata di pipinya. (3 markah)
5.	Pertama, anak-anak Amran telah mendapat piala dan pingat yang dimenangi daripada temasya olah raga dan sukan renang. Kedua, mereka juga telah meraih ijazah daripada universiti yang terkemuka di Singapura. (5 markah)
6.	Ya, saya bersetuju. Pertama, pihak pemiutang masih lagi memburunya. Jika Amran tidak beredar dengan segera, anak-anaknya mungkin akan melihat dia diheret tailong. Kedua, sekurang-kurangnya, keluarganya kini hidup gembira walaupun dia tiada di sisi. (5 markah) ATAUPUN Tidak, saya tidak bersetuju. Pertama, Amran patut bersama keluarganya untuk melihat anak-anaknya membesar. Kedua, Amran patut berterus terang dengan anak-anaknya tentang keadaan hutangnya dan berusaha untuk menyelesaikan masalahnya bersama. (5 markah)
7.	ramalan / dugaan / sesuatu yang dirasakan atau diketahui sebelum terjadi sesuatu peristiwa (2 markah)
8.	menjengah / menengok (2 markah)
9.	berdiri tegak dengan tidak bergerak-gerak (2 markah)
10.	tersentak (2 markah)

LATIHAN 2

1.	Jannah merasakan bahawa keadaan di kaki lima mengerikan kerana kedengaran jeritan kucing liar bergema dan ditambah lagi dengan cahaya lampu malap. (3 markah)
2.	Jannah menghentikan langkahnya di kaki lima kerana ada seseorang yang mengekorinya dari belakang sekali lagi. (3 markah)
3.	Buktinya ialah Jannah tidak terfikir apa yang ingin dibuat jika orang jahat itu keluar sehingga jika orang itu menyeranginya, dia benar-benar tidak ada apa-apa pun untuk melindungi dirinya. (3 markah)
4.	Ketika orang itu menghampiri Jannah, dalam fikiran Jannah, dia sedang menjerit ketakutan. Tetapi pada zahirnya, dia terkejut dan hanya tercegat tidak dapat melakukan apa-apa. (3 markah)
5.	Pertama, Jannah terus berlari ke pelukan ayahnya. Kedua, Jannah menitiskan air mata apabila bertanya ayahnya di mana dia pergi selama ini. (5 markah)
6.	Pertama, tailong berkali-kali memaksa Jannah sekeluarga membuka pintu rumah untuk mencari ayahnya. Kedua, apabila pintu tidak dibuka, mereka tergamak menyiram cat di pintu rumah Jannah. (5 markah)
7.	menentang / melawan / tidak mengakui kebenaran sesuatu (2 markah)
8.	keadaan kacau-bilau (2 markah)
9.	bayang / rupa sesuatu yang kelihatan sepintas lalu (2 markah)
10.	telah berlalu / telah lampau waktunya (2 markah)

LATIHAN 3

1.	Roald segera mengubah destinasiya ke Selatan dengan harapan menjadi pengembara pertama untuk menerokai Kutub Selatan. (3 markah)
2.	Scott telah merancang untuk pergi ke Kutub Selatan secara santai tetapi kini, beliau mendapati dirinya dalam satu perlumbaan yang akan menentukan siapa yang bakal menjadi orang pertama ke Kutub Selatan. (3 markah)
3.	Scott dan pasukannya berbuat begitu supaya sekiranya mereka kehabisan makanan, pasukannya tidak perlu berpatah balik terlalu jauh untuk mencapainya. (3 markah)
4.	Pasukan Roald telah tiba dahulu di Kutub Selatan pada 15 Disember 1911. (3 markah)
5.	Pertama, anjing-anjing itu berbadan ringan dan tidak seperti haiwan-haiwan lain yang mudah ditenggelami salji lembut. Kedua, dalam perjalanan pulang, anjing-anjing itu boleh dijadikan sumber makanan lantas membantu mereka mengurangkan berat barangan yang perlu diangkut. (5 markah)
6.	Pertama, motor luncur salji yang dinaiki mereka rosak semasa dalam perjalanan lantas kru-kru beliau terpaksa mengangkut barangan masing-masing dan lama-kelamaan, mereka mula menjadi lemah. Kedua, penglihatan mereka pula menjadi kabur akibat menenung salji terlalu lama. (5 markah)
7.	khabar angin / cakap orang yang belum sah (2 markah)
8.	menggalas / membawa barang di atas bahu (2 markah)
9.	memerlukan ketabahan / kecekalan / keberanian (2 markah)
10.	terpukau / terpicat (2 markah)

LATIHAN 4

1.	Untuk mengetahui siapakah orang yang melawatnya, Zalikha menghulurkan kedua-dua belah tangannya lalu menggenggam tangan orang tersebut. (3 markah)
2.	Salina hampir menangis sehingga air mata yang terkumpul di kelopak matanya bagaikan sebuah empangan yang boleh roboh bila-bila masa sahaja. (3 markah)
3.	Sebabnya ialah Zalikha tidak mahu kenangan melihat anak dan cucunya menangis menjadi memori saki-baki kehidupannya di bumi. (3 markah)
4.	Zalikha mengamalkan pemakanan yang sihat untuk menangani penyakit barah. (3 markah)
5.	Pertama, Zalikha telah dikurniakan suami dan keluarga yang penyayang dan hubungan kekeluargaan mereka sangat erat. Kedua, beliau juga dikurniakan kesihatan yang baik dan jarang sekali mengalami selsema ataupun demam. (5 markah)
6.	Pertama, rambutnya gugur setiap kali dia menjalani rawatan kemoterapi. Kedua, berat badan Zalikha turun secara mendadak. (5 markah)
7.	penuh berisi serta licin dan halus kulitnya (2 markah)
8.	tanda / bahasa badan (2 markah)
9.	teringat / terfikir / terbayang (2 markah)
10.	mencucuk / masuk atau meresap ke dalam (2 markah)

LATIHAN 5

1.	Penulis ialah seorang guru di sekolah menengah. (3 markah)
2.	Jamuan itu diadakan untuk calon-calon yang sedang mempertimbangkan sama ada untuk meneruskan dengan program pengajian tinggi. (3 markah)
3.	Apabila melihat pakaian penulis, mereka melontarkan senyuman kepadanya / senyum tersipu-sipu melihatnya. (3 markah)
4.	Penulis terkejut apabila melihat cermin kerana sepasang penggulung rambut berwarna merah jambu jelas terpacak di sebelah kiri belakang kepalanya. (3 markah)
5.	Dia harus mengopek gula-gula getah yang ditempekkan di bawah kerusi meja. / Dia harus mendengar alasan para pelajar yang terlupa membuat kerja rumah. / Dia harus menelefon ibu bapa untuk bertanya mengapa anak mereka tidak ke sekolah. (5 markah)
6.	Pertama, kita harus lebih berhati-hati apabila bersiap untuk sesuatu acara. Buktinya, oleh kerana penulis tidak berhati-hati semasa bersiap, dia tertinggalkan penggulung rambut di kepalanya. Kedua, kita harus memakai pakaian yang sesuai dengan sesuatu acara yang dihadiri. Buktinya, walaupun penulis selalunya memakai kasut yang bertapak getah, dia telah memilih untuk memakai kasut tumit tinggi yang tapaknya dibuat daripada kulit lembu agar lebih sesuai dengan majlis. (5 markah)
7.	sajian / makanan yang dihidangkan (2 markah)
8.	ada / sedia ada (2 markah)
9.	menunjukkan / memberikan (2 markah)
10.	dalam keadaan tidak bergerak (2 markah)